

22/12/2000

Nilai, budaya berterima kasih makin terhakis

RASANYA sudah kerap generasi muda negara ini diingatkan supaya bersyukur dan berterima kasih kepada orang yang pernah membantu mereka. Kekerapan perkara ini dibangkitkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan sendirinya menunjukkan budaya Melayu itu yang dipertahankan sejak zaman-berzaman semakin terhakis. Kebimbangan Perdana Menteri boleh ditafsirkan bukanlah sangat kepada kepentingan politik tetapi lebih kepada kepupusan salah satu nilai murni yang sepatutnya menjadi pegangan tanpa mengira anutan dan fahaman.

Selama ini pun, budaya bersyukur dan berterima kasih tidak memberi sebarang kerugian. Sebaliknya, ia menjadikan seseorang lebih menghargai apa yang diperolehi jika dibandingkan dengan orang lain yang tidak pun memilikinya. Selain terdidik dengan pekerti mulia, kesinambungannya akan membuat generasi terkemudian akan turut berterima kasih kepada generasi terdahulu. Berdasarkan rasional itulah, nilai-nilai ini harus terus dipupuk dan dipertahankan.

Namun, adalah menyedihkan amalan sebaik ini turut diputarbelitkan oleh pembangkang. Mengikut tafsiran mereka, tiada perlunya berterima kasih kepada pihak yang memberi atau mengadakan sesuatu jika ia sudah menjadi tanggungjawabnya. Ternyata ia amat menyesatkan dan kesudahannya orang Melayu sendiri yang akan rugi jika itulah yang menjadi pegangan. Sebelum terlambat, inilah yang perlu diinsafi agar bangsa Melayu yang akhir-akhir ini tercabar dengan pelbagai ancaman, tidak hilang jati dirinya.

(END)